

21 JAN 2001

Rafidah-Jepun

RAFIDAH KE JEPUN PADA APRIL UNTUK TARIK SYARIKAT IKS MELABUR DI MALAYSIA

KUALA KANGSAR, 21 Jan (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan ke Jepun April ini bagi menarik lebih ramai usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) negara itu melabur ke Malaysia menerusi usahasama dengan syarikat tempatan.

Beliau berkata walaupun kebanyakan IKS Jepun adalah industri milik keluarga yang sukar memindahkan pelaburan mereka di luar kawasan tempat tinggal mereka, kementerian tetap berusaha untuk mendapatkan pelaburan mereka.

Kementerian sedang berusaha menggalakkan pengusaha IKS Jepun mengadakan usahasama dengan usahawan tempatan supaya mereka tidak perlu berpindah ke sini, katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri untuk penduduk kawasan Parlimen Kuala Kangsar di Sekolah Menengah Clifford di sini, hari ini.

Terdahulu, beliau merasmikan pusat khidmat masyarakat Parlimen Kuala Kangsar di Bangunan Umno bahagian Kuala Kangsar di sini.

Rafidah berkata kemungkinan besar untuk mengatasi masalah itu ialah dengan pengusaha Jepun mencari rakan usahasama di Malaysia yang boleh diamanahkan untuk menjaga projeknya di sini.

Dengan cara ini, katanya usahawan IKS Jepun tidak perlu pindah dan hanya perlu mengamanahkan projek mereka kepada rakan usahasama dari Malaysia dan menghantar pakar-pakar teknologi mereka ke sini.

"Itulah sahaja caranya bagi mengatasi masalah tersebut," katanya apabila diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Jepun semalam yang berkata Malaysia berminat menarik IKS Jepun yang menghadapi masalah mencari pihak untuk mengendalikan perusahaan mereka di Malaysia.

Rafidah berkata kementerian juga mengambil langkah menarik usahawan IKS Jepun ke Malaysia sejak beberapa tahun lepas dan setakat ini, beberapa syarikat sudah melabur di negara ini.

Beliau mempelawa usahawan tempatan menyertai rombongan perdagangannya ke Jepun kerana perjumpaan secara semuka dengan pengusaha IKS Jepun dapat mewujudkan "hubungan peribadi" supaya wujud keyakinan dan kepercayaan antara kedua-dua pihak.

Beliau bagaimanapun mengingatkan usahawan tempatan supaya tidak hanya memberi tumpuan untuk mendapatkan kontrak syarikat dan memegang majoriti saham yang besar.

Sebaliknya, mereka hanya perlu membesarkan pegangan sahama hanya selepas mendapat teknologi dan mengadakan kerjasama yang baik dengan usahawan IKS Jepun.

-- BERNAMA

HK NAK